

UUM/AA72/BH/7.3.2024/P:10(1-3)

Model TVET Jepun wajar jadi sandaran perkasa belia Malaysia

- Model KOSEN dilaksanakan di Jepun menekankan konsep pembelajaran TVET lebih menyeluruh termasuk menyediakan laluan pembelajaran selama lima tahun kepada pelajar yang cenderung memilih bidang itu seawal usia 15 tahun
- Bagi memastikan kerangka Model KOSEN dapat dijadikan penanda aras di Malaysia, kerajaan berhasrat menghantar pelajar dan pensyarah yang berminat dalam jurusan program TVET ke Jepun



Pensyarah Pusat Pengajian Kerajaan dan Timbalan Pengarah Asian Research Institute for Corporate Governance Universiti Utara Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Halimah Abdul Manaf
bhrencana@bh.com.my

Lawatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berserta delegasi dari beberapa kementerian serta agensi kerajaan selama empat hari ke Jepun pada 17 hingga 23 Februari lalu dilihat membawa perkembangan positif terhadap hubungan diplomasi kedua-dua negara.

Kunjungan delegasi terbabit adalah langkah susulan daripada program Perkongsian Strategik Komprehensif (CSP) dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Disember 2023.

Apa yang penting, lawatan kerja Ahmad Zahid itu dilihat dapat

memberi manfaat besar kepada rakyat dalam pelbagai bidang terutama bagi sektor Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), pendigitalan, pengurusan bencana dan ekosistem halal.

Dalam lawatan itu, antara agenda diangkat untuk dibincangkan adalah berkaitan pemerkasaan belia menerusi peningkatan tumpuan kepada penguasaan TVET.

Berdasarkan data Jabatan Perangkaan, jumlah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun pada 2023 adalah 9.13 juta, iaitu meliputi 27.4 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia sebanyak 33.38 juta.

Perbincangan delegasi Malaysia bersama Menteri Pendidikan, Kebudayaan, Sukan, Sains dan Teknologi Jepun, Masahito Moriyama membabitkan pelbagai perkara, termasuk memperkasakan agenda TVET.

Bagi sektor TVET, delegasi kerajaan mendapat inspirasi dengan Model Kolej Tokyo (Tokyo KOSEN) selepas mengadakan lawatan ke Institut Teknologi Nasional, KOSEN.

Model KOSEN menekankan konsep pembelajaran TVET lebih menyeluruh, termasuk menyediakan laluan pembelajaran selama lima tahun kepada pelajar yang cenderung memilih bidang itu seawal usia 15 tahun. Program lima tahun itu dilihat seiring dengan keperluan industri ternama di Jepun.

Bagi memastikan kerangka Model KOSEN dapat dijadikan penanda aras di Malaysia, kerajaan berhasrat menghantar pelajar dan pensyarah Malaysia yang berminat dalam jurusan program TVET ke Jepun.

Selain itu, amat sesuai juga jika kolej vokasional dan politeknik di Malaysia menyediakan kerangka

hala tuju dan modul latihan kepada belia mengikut hala tuju kerajaan hari ini.

Tenaga kerja bidang teknikal bertaraf dunia

Usaha itu bagi melahirkan tenaga buruh bidang teknikal dan profesional bertaraf dunia bermula usia masih muda. Program ini sebagai persediaan kepada golongan remaja dan belia untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran diperlukan industri.

Kejayaan usaha ini bakal membolehkan Malaysia menyediakan sumber tenaga pakar dalam bidang teknikal mencukupi untuk keperluan pasaran tempatan dan mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan belia.

Tambahan pula, Ahmad Zahid baru-baru ini mengumumkan kerajaan bercadang mewujudkan akta khusus untuk lepasan TVET dengan sasaran penggajian lebih tinggi daripada kadar gaji minimum, iaitu RM4,000 ke atas.

Pemerkasaan program TVET menjadi alternatif kepada masyarakat berkemahiran untuk terus bekerja selepas pencen dan menyumbang kepada masyarakat.

Maka program TVET dapat melengkapkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada belia, menjadikan penjaga atau ibu bapa bukan sahaja mem-



fokuskan anak memohon bekerja bukan dalam sektor perkhidmatan awam, malah masih boleh menggunakan kemahiran yang ada untuk bekerja sebagai *freelancer* apabila bersara menggunakan ilmu yang ada untuk meneruskan kehidupan.

Namun, perlu dipastikan masyarakat Malaysia mampu mempunyai keupayaan fizikal dan kesihatan yang baik bagi meneruskan pekerjaan selepas pencen. Seperti mana di Jepun, rata-rata warga emas selepas usia 60 tahun masih aktif berkerja dalam semua sektor termasuk pembinaan, lapangan terbang, jurujual dan pelbagai sektor lain yang dapat membantu masalah pergantungan tinggi kepada tenaga buruh asing.

Sementara itu, lawatan delegasi Malaysia ke Jepun membolehkan mereka mempelajari cara Jepun menangani isu bencana alam berdasarkan pengalaman Jepun yang sentiasa berdepan bencana seperti banjir, tsunami dan perubahan iklim sangat mendadak.

Dalam hal ini, Timbalan Perdana Menteri menyatakan kesediaan kerajaan untuk meneroka penggunaan sistem satelit seperti digunakan Jepun bagi mengurangkan risiko terhadap masalah jerebu kerap berlaku di Malaysia.

Bagi menyediakan masyarakat bersedia menghadapi bencana, antara usaha boleh dilakukan kerajaan adalah melatih belia dengan pengetahuan dan kemahiran asas menghadapi bencana, di samping pengetahuan berkaitan sistem amaran, bersedia dengan beg kecemasan dan kemahiran asas sokongan hidup.

Ini bagi melahirkan belia sebagai kumpulan bersedia menghadapi risiko dan menjadikan mereka komuniti berorientasikan tindakan.

Sudah tiba masanya, Malaysia mengambil pengalaman Jepun untuk memastikan pelan hala tuju memperkasakan belia melalui pendidikan TVET. Kemenjadian golongan belia akan membantu pembangunan belia negara serta mengurangkan pergantungan negara kepada tenaga buruh asing.

Faktor utama kemasukan buruh asing ke Malaysia disebabkan peluang pekerjaan luas, terutama sebagai buruh. Jika pembangunan pendidikan dan kerjaya belia dapat dirancang dengan baik maka ia akan menyediakan rakyat sebagai tenaga kerja buruh tempatan.

Pembabitan rakyat sebagai tenaga kerja menggantikan tenaga buruh asing dapat mengatasi masalah sosial lain dalam negara seperti jenayah kecurian, bunuh, pecah rumah selain mewujudkan gangguan ekonomi susulan peningkatan aktiviti perniagaan secara haram pendatang asing.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH